

Majlis Berbuka Puasa Bersama Anak-Anak Yatim & Majlis Anugerah Dekan

Tanggal 24 September 2008, dengan kerjasama Rumah Anak Yatim Dr Siti Hasmah telah berlangsungnya Majlis Berbuka Puasa dan Majlis Anugerah Dekan Sesi Akademik 2008/2009 yang bertempat di ruang legar Kompleks Jejawi 3. Majlis asalnya bertempat di perkarangan Kompleks Jejawi 3, telah berpindah ke ruang legar disebabkan oleh hujan lebat di sebelah petang beberapa jam sebelum majlis bermula. Majlis berbuka puasa PPK Bioproses ini adalah yang ketiga diadakan dan diserikan dengan kehadiran adik-adik dari rumah anak yatim. Ini merupakan salah satu khidmat masyarakat yang cuba dilaksanakan oleh warga Bioproses. Adik-adik yang menjadi tetamu istimewa tiba di PPK Bioproses seawal jam 5.30 petang dan telah dibawa melawat sekitar kawasan PPK. Bacaan ayat-ayat Al-Quran menjadi pembuka majlis, sementara menunggu waktu berbuka. Majlis dibahagikan kepada 2 slot di mana sebaik sahaja waktu Maghrib tiba, semua jemputan menjamah kuih muih dan buah-buahan sebagai pembuka selera dan selepas solat Maghrib, acara diteruskan dengan makan malam dan Majlis Anugerah Dekan bermula. Antara persembahan istimewa malam itu adalah persembahan nasyid oleh pelajar-



pelajar putera Tahun 2 Bioproses. Majlis berakhir dengan sumbangan beras dan duit raya serta goodie bag kepada adik-adik jemputan.